

PM bantu ringankan kos rawatan mata Sophia Ibrahim

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menghulur sumbangan kepada pelakon dan penyanyi veteran, Safiah Ibrahim atau nama komersialnya Sophia bagi meringankan kos pembedahan mata.

Sumbangan itu disampaikan Setiausaha Politik Perdana Menteri, Farhan Fauzi yang menziarahi bintang 'senior' itu, kelmarin.

Melalui hantaran Facebook (FB), Anwar menyebut:

“Pagi tadi (kelmarin) Setiausaha Politik saya, Farhan Fauzi menziarahi Sophia Ibrahim yang juga seniwati negara dikhabarkan mengalami katarak mata sehingga mengganggu fungsi penglihatan beliau.

“Lantas beliau (Sophia) perlu segera menjalani prosedur pembe-

dahan mata bagi mengelak komplikasi yang tidak diingini.

“Justeru, saudara Farhan menyampaikan sumbangan bagi pihak saya untuk meringankan beban kos perubatan.

“Saya amat berharap pembedahan beliau berjalan lancar dan lekas diberi kesembuhan... Insya-Allah,” katanya.

Sophia, 75, mula aktif di pentas hiburan sejak era 1960-an. Antara filem lakonannya adalah *Dr Rushdi* yang diarah dan dibintangi Seniman Agung, Allahyarham Tan Sri P Ramlee pada 1970.

Beliau yang juga kakak kepada penyanyi popular, Datuk Khadijah Ibrahim, manakala adik lelakinya, penyanyi dan pelakon popular era 1970-an, Allahyarham Latif Ibrahim.



Farhan (empat dari kanan) bersama Sophia (tiga dari kiri) dan Khadijah serta Presiden Persatuan Karyawan Malaysia, Datuk Freddie Fernandez ketika kunjungan, kelmarin. (Foto FB Anwar Ibrahim)